

# Pak Lah cuti seminggu

07/06/04 BH M3

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bercuti mulai hari ini hingga 15 Jun, demikian menurut kenyataan Unit Komunikasi, Pejabat Perdana Menteri semalam.

Ketika percutian, Perdana Menteri ke San Francisco, Amerika Syarikat melawat eksposempena konvensyen tahunan antarabangsa bagi Pertubuhan Bioteknologi Industri (BIO

2004) pada 8 Jun.

Konvensyen itu adalah perhimpunan terbesar pakar bioteknologi dari seluruh dunia.

Lebih 1,000 syarikat bioteknologi, institusi akademik, pusat bioteknologi dan pertubuhan lain yang berkaitan dari seluruh Amerika Syarikat serta 33 negara lain akan mengambil bahagian dalam ekspose berkenaan.